

Mereka lebih utama pidato dari derma darah mangsa bom



DR. MAHATHIR



ENCIK SIDEK FADZIL



ENCIK ZAKARIA HASSAN



PROF. ATAN LONG

Mahathir dedah sikap pelajar

U.M. 13 SEP 1975

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan malam tadi perihal sikap setengah golongan pelajar yang lebih suka berpidato dari menderma darah untuk mangsa bom di Markas Briged Tengah Polis Hutan di Jalan Pekeliling di sini baru-baru ini.

Menurut Menteri Pelajaran itu, beliau sendiri mengesyorkan supaya para pelajar itu turut memberikan sumbangan dengan menderma darah, tetapi dengan tegas mereka menjawab: "Yang kami mahu ialah pidato, bukan derma darah."

"Adakah ini yang dikatakan peranan pelajar untuk masyarakat," tanya Dr. Mahathir dengan suara yang lantang disambut oleh tepukan bergemuruh dari lebih 500 orang hadirin dalam satu majlis forum di Universiti Pertanian di sini malam tadi.

Dr. Mahathir adalah diantara empat orang ahli panel dalam majlis forum tersebut yang membincangkan soal 'Pendidikan di Malaysia Hari Ini dan Peranan Pelajar' di bawah anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian.

Tiga orang lagi ahli panel ialah: Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Pertanian, Dr. Atan Long, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, Encik Zakaria Hassan dan seorang pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Encik Sidek Fadzil.

Suasana majlis forum itu bertukar menjadi hangat bila Dr.

OLEH HAMZAH SIDEK

Mahathir menyebut bahawa soal peranan pelajar dalam masyarakat sekarang terlalu sensitif, terutama di kalangan para pelajar sendiri.

Beliau menarik perhatian terhadap satu hari di mana sekumpulan pelajar datang menemuinya untuk mendapatkan kebenaran berpidato bagi mengutuk perbuatan melontarkan bom ke atas anggota-anggota polis hutan baru-baru ini.

Dalam perbincangan itu, beliau menyebut tentang kemungkinan para pelajar itu juga turut menderma darah, tetapi mereka menolak dengan mengatakan; "Yang kami mahu ialah pidato, bukan derma darah." Walaupun pada mulanya salah seorang dari mereka telah bersetuju dengan cadangan itu.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa sistem pelajaran negara ini adalah berlandaskan demokrasi dan matlamat untuk mewujudkan satu masyarakat berbilang kaum yang berpadu.

"Tidak ada cara yang lebih kukuh untuk mencapai matlamat yang dikehendaki itu selain dari melalui pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab dakwaan setengah pihak bahawa dasar dan sukatan pelajaran di negara ini digubal bukan dengan cara demokrasi.

Katanya sistem pelajaran kebangsaan yang ada sekarang adalah lahir dari proses-proses demokrasi.

"Sistem pelajaran kebangsaan sekarang adalah berasaskan Penyata Razak tahun 1956 dan Penyata Rahman Talib tahun 1960 yang mana telah digubal secara demokrasi melalui suruhanjaya yang membuat tinjauan pandangan orangramai terlebih dulu.

"Kerajaan juga mempunyai sebuah jawatankuasa peringkat kabinet yang sedang membuat kajian mengenai sistem pelajaran sekarang dengan meninjau pendapat orangramai," ujar beliau.

Beliau memberitahu jawatankuasa itu telah menerima 400 memorandum dan akan membuat satu laporan hasil rumusan memorandum-memorandum itu.

Bagaimanapun, tambahnya kerajaan tidak dapat menerima semua pendapat yang dikemukakan dalam memorandum-memorandum tersebut.

Prof. Atan Long pula berkata bahawa sistem "tapisan" melalui peperiksaan sekarang menghalang ramai pelajar untuk mendapatkan pelajaran setinggi-tingginya.

"Sistem peperiksaan itu menimbulkan ketegangan perasaan di kalangan para pelajar," katanya.

Beliau juga mengesyorkan supaya sukatan pelajaran sekarang disemak semula kerana tidak menepati kehendak-kehendak sebenar dalam kehidupan.